

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK]

TARIKH : 29 JULAI 2020 (RABU)

SOALAN

TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang yang telah diambil oleh pihak Kementerian untuk mengatasi masalah Air Tidak Berhasil (*Non Revenue Water*), NRW yang dialami oleh perkhidmatan air di setiap negeri di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Penyelesaian kepada masalah NRW memerlukan pendekatan yang menyeluruh serta peruntukan yang besar. Antara langkah-langkah yang diambil termasuk:

- (i) peruntukan sebanyak RM1.907 bilion di bawah RMKe-11 bagi pelaksanaan Program NRW Kebangsaan Pendekatan 1 dan Pendekatan 2;
- (ii) pembiayaan modal (CAPEX) oleh Pengurusan Aset Air Bhd. (PAAB) bagi negeri-negeri yang telah memuktamadkan penstrukturran semula industri bekalan air berjumlah RM1.7 bilion di bawah *Operating Period 3* (OP3);

NO. SOALAN : 26

- (iii) pemantapan kawal selia oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dari segi penetapan Petunjuk Prestasi Utama (KPI), pengauditan operasi, penguatkuasaan ke atas kes kecurian air, pengawalan kualiti bahan dan produk mematuhi standard yang diiktiraf, berkualiti dan berdaftar dengan SPAN; dan
- (iv) jalinan kerjasama antara SPAN dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dalam meningkatkan kompetensi tenaga kerja sektor air selaras dengan kehendak Seksyen 49, Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (Akta 655).

Sekian. Terima kasih.